# BORANG PERMOHONAN BERNIAGA
# SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 92

**ARAHAN KEPADA PEMOHON :**

1) Sila isi semua maklumat yang dikehendaki menggunakan **HURUF BESAR** dan lengkap.
2) Borang ini perlu dihantar dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau *sebelum jam 12.00 tengahari* pada ***27 Februari 2020***
3) Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

| JENIS PERMOHONAN (Sila tanda X ) *** | | |
|---|---|---|
| *** ***(1 borang bagi 1 jenis permohonan sahaja)*** | | TAPAK FOTOGRAFI |
| | | TAPAK JUALAN BUNGA / PELBAGAI |
| | | TAPAK "FOODTRUCK" |

## A) MAKLUMAT PEMOHON

NAMA PEMOHON

NO. K/P - - NO. H/P

NAMA SYARIKAT / ORGANISASI

NAMA PENGURUS SYARIKAT

NO. H/P

ALAMAT SYARIKAT

NO. TEL - NO. FAX -

ALAMAT SURAT MENYURAT

NO. LESEN / SIJIL SSM

NO. AKAUN BANK

NAMA BANK

PENAMA AKAUN

## B) MAKLUMAT PERNIAGAAN *(Untuk Jualan Bunga sila gunakan Lampiran JPPK UiTM NS - A1)*

**SENARAI BARANG JUALAN** ***(Sila gunakan lampiran jika ruangan ini tidak mencukupi)***

| BIL | NAMA PRODUK | HARGA JUALAN |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

## C) TAWARAN SEWAAN PENIAGA

| BIL | JENIS PERMOHONAN | KELUASAN | KADAR SEWAAN | KUANTITI | JUMLAH SEWAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | TAPAK FOTOGRAFI | 2 Unit - 20' x 20' ** | RM8,000.00 | | |
| 2. | TAPAK JUALAN BUNGA / PELBAGAI | KHEMAH 20' x 10' | RM600.00 | | |
| 3. | TAPAK FOODTRUCK | 2 LOT PARKIR | RM500.00 | | |
| 4. | **DEPOSIT PEMBERSIHAN – KADAR TETAP** | | | | **RM200.00** |
| | | | | **JUMLAH KESELURUHAN** (1) + (2) + (3) + (4) + (5) | |

*** Modular aircond 20' x 20' dan Khemah 20' x 20'*

## D) PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan bersedia dikenakan tindakan undang- undang sekiranya saya memberi maklumat palsu.

| TANDATANGAN PEMOHON | COP RASMI SYARIKAT/ORGANISASI |
|---|---|
| | |

**NAMA** ______________________________

**NO. K/P** ______ - ___ - ____ **TARIKH** ___ / ___ / ____

| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT BENDAHARI SAHAJA (PEMBUKA SEBUTHARGA) | | | |
|---|---|---|---|
| **KOD SYARIKAT** | **TARIKH BUKA** | **PEMBUKA PERTAMA** | **PEMBUKA KEDUA** |
| / | | Tandatangan, Cop Nama & Tarikh | Tandatangan, Cop Nama & Tarikh |

| UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA PENGURUSAN PERNIAGAAN KONVOKESYEN SAHAJA | | |
|---|---|---|
| **ANALISA PEMILIHAN** | **CADANGAN** | **ULASAN PEMILIHAN** |
| Tandatangan, Cop Nama & Tarikh | ☐ **DISYORKAN**<br>☐ **TIDAK DISYORKAN** | |

| MESYUARAT JkPPK NS | | MESYUARAT JkRN NS | | PENGERUSI JkPPK |
|---|---|---|---|---|
| **TARIKH** | | **TARIKH** | | |
| **ULASAN PENGERUSI JkPPK** | | | | |
| | | | | Tandatangan, Cop Nama & Tarikh |

## SENARAI HARGA JUALAN BUNGA ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM NEGERI SEMBILAN

| BIL | NAMA PRODUK | HARGA JUALAN |
|---|---|---|
| 1. | 1 kuntum bunga ros segar | |
| 2. | 1 kuntum bunga plastik | |
| 3. | 1 kuntum bunga ros segar dan teddy bear kecil | |
| 4. | 1 kuntum bunga ros segar dan teddy bear sederhana | |
| 5. | 1 kuntum bunga ros segar dan teddy bear besar | |
| 6. | 3 kuntum bunga ros segar | |
| 7. | 3 kuntum bunga plastik | |
| 8. | 3 kuntum bunga ros segar dan teddy bear kecil | |
| 9. | 3 kuntum bunga ros segar dan teddy bear sederhana | |
| 10. | 3 kuntum bunga ros segar dan teddy bear besar | |
| 11. | 6 kuntum bunga ros segar | |
| 12. | 6 kuntum bunga plastik | |
| 13. | 6 kuntum bunga ros segar dan teddy bear kecil | |
| 14. | 6 kuntum bunga ros segar dan teddy bear sederhana | |
| 15. | 6 kuntum bunga ros segar dan teddy bear besar | |
| 16. | 12 kuntum bunga ros segar | |
| 17. | 12 kuntum bunga plastik | |
| 18. | 12 kuntum bunga ros segar dan teddy bear kecil | |
| 19. | 12 kuntum bunga ros segar dan teddy bear sederhana | |
| 20. | 12 kuntum bunga ros segar dan teddy bear besar | |
| 21. | Gubahan coklat Fererro Roche (12 biji) | |
| 22. | | |
| 23. | | |
| 24. | | |
| 25. | | |
| 26. | | |
| 27. | | |
| 28. | | |
| 29. | | |
| 30. | | |

*** Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi*

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# SYARAT DAN PERATURAN GERAI JUALAN UiTM

## A. PERATURAN UMUM

1. Tawaran tapak jualan dan *food truck* sempena Istiadat Konvokeysen UiTM bertempat di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau ini dibuka kepada Bumiputera yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sila kepilkan salinan kad pengenalan dan salinan perniagaan SSM semasa menghantar borang permohonan.

2. Peniaga yang memohon juga perlulah berdaftar dengan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3. Peniaga dan penggendali makanan mesti memiliki **Kad Suntikan Kesihatan / Kad Pengendalian Makanan (*Typhoid*) yang masih sah. Salinan kad ini hendaklah disertakan sekali bersama borang permohonan**. Pengerai perlu menitikberatkan amalan pengendalian makanan yang sempurna, halal dan bersih.

4. Kampus UiTM adalah **KAWASAN LARANGAN MEROKOK**. Peniaga dilarang sama sekali menghisap rokok di dalam kawasan kampus.

5. Peniaga tidak dibenarkan menjual barang-barang yang dilarang oleh UiTM seperti:

   a. Rokok dan makanan/minuman memabukkan atau yang seumpamanya.

   b. Bahan cetak bertulis/elektronik atau yang seumpamanya yang mengandungi unsur-unsur lucah, politik yang dilarang dan kandungan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

   c. Pakaian yang tertera tulisan atau gambar lucah, mengandungi unsur-unsur politik, agama selain agama Islam dan apa juga yang memberi maksud bertentangan dengan ajaran Islam serta nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

   d. Barang-barang yang tidak dibenarkan dimiliki, disimpan atau dijual-beli oleh Agama Islam oleh Kerajaan Malaysia atau oleh UiTM.

6. Pihak UiTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kecurian, kecuaian dan kehilangan sekiranya berlaku kepada peniaga sepanjang aktiviti jualan berlangsung.

7. Pihak urusetia dan UiTM berhak untuk meminda sebarang keputusan yang telah dibuat sekiranya perlu.

8. Pihak urusetia tidak akan melayan sebarang permohonan penarikan bayaran semula sekiranya pendaftaran dan pembayaran telah dibuat kepada pihak urusetia.

9. Peniaga yang tidak mematuhi peraturan gerai jualan yang telah ditetapkan oleh UiTM akan **DISENARAIHITAMKAN** daripada menjalankan perniagaan di masa akan datang.

## B. PERATURAN KHUSUS

10. Waktu perniagaan adalah seperti berikut:-

| Bil | Tarikh (Hari) | SIdang | Masa | Status |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 5 April 2020[3] | **Ambil Jubah** | 8.00 pagi – 12.30 tgh | Dibenarkan[1] |
| 2. | 6 April 2020 | 2 Sidang | 6.30 pagi – 6.30 petang | Wajib |
| 3. | 7 April 2020 | 1 Sidang | 6.30 pagi – 6.30 petang | Wajib |

11. Kadar sewa lot / tapak jualan untuk **tempoh 2 hari** adalah seperti berikut[3]:-

| Bil | Jenis Perniagaan | Saiz Lot / Tapak | Kadar Sewaan | Jumlah Lot |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Tapak Fotografi** | Modular - 20' x 20'<br>Khemah - 20' x 20' | RM8,000.00 | 2 Lot |
| **2.** | **Tapak Jualan Bunga/Pelbagai** | Khemah - 20' x 10' | RM600.00 | 6 Lot |
| **3.** | **Tapak "Foodtruck"** | 2 petak parkir[2] | RM500.00 | 9 Lot |
| **4.** | **Deposit kebersihan**<br>*(akan dipulangkan setelah diluluskan mengikut syarat yang ditetapkan)* | | RM 200 untuk setiap peniaga / lot | |
| **5.** | **Anggaran Jumlah Pelajar** | | 1,320 Orang[3] | |

12. Kedudukan lot / tapak yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia adalah muktamad.

13. Peniaga yang dilantik **tidak dibenarkan untuk menyewakan** lot / tapak tersebut kepada pihak lain / orang lain tanpa pengetahuan pihak UiTM. Pihak UiTM berhak untuk menutup permis perniagaan tersebut sekiranya peniaga tidak mematuhi arahan ini.

14. Peniaga digalakkan membawa **peralatan tambahan sendiri** seperti kerusi, meja, soket elektrik. Peniaga **dilarang sama sekali menggunakan peralatan UiTM** yang bukan disediakan untuk peniaga. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** membuat pendawaian sendiri tanpa kebenaran urusetia dan pihak Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) UiTM.

15. Tidak dibenarkan membuat **tambahan ruang / bumbung** menggunakan kanvas / plastik di luar kawasan khemah perniagaan yang telah disediakan. Peniaga hanya dibenarkan memasang bidai (kayu) bagi tujuan melindungi daripada cuaca panas (kecuali hujan).

16. Peniaga dibenarkan membawa masuk peralatan perniagaan ke tapak jualan **bermula jam 5.00 petang hingga 10.00 malam, sehari sebelum tarikh rasmi istiadat konvokesyen bermula ATAU** sepertimana arahan bertulis dari UiTM.

17. Kenderaan peniaga hendaklah diletakkan pada kawasan tempat letak kereta yang disediakan. Pihak Polis Bantuan UiTM berhak untuk mengunci kenderaan dan juga mengeluarkan saman sekiranya tidak mematuhi arahan dan peraturan.

18. Peniaga dikehendaki memastikan makanan dan minuman yang dijual adalah **HALAL** dan **BERSIH**. Pemakaian apron, sarung tangan dan penutup kepala **ADALAH DIWAJIBKAN** bagi peniaga / pengendali makanan.

19. Peniaga mesti mempamerkan harga bagi setiap barangan yang dijual (harga yang berpatutan). Semua **tanda harga dan nama** bagi setiap barangan hendaklah dibuat dengan kemas / jelas / tidak mengelirukan

20. Penggunaan polisterin adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi pembungkusan makanan.

21. Setiap peniaga perlu memastikan kawasan perniagaan adalah di dalam keadaan bersih dan bebas sampah. Peniaga dikehendaki menyediakan tong dan plastik sampah sendiri dan sisa jualan hendaklah sentiasa dibuang.

22. Sila pastikan sampah dimasukkan terlebih dahulu ke dalam plastik sampah sebelum dibuang ke dalam tong sampah besar UiTM. Deposit kebersihan tidak akan dikembalikan sekiranya keadaan tapak jualan tidak memuaskan.

23. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan tapak jualan yang telah disediakan oleh pihak urusetia dan dilarang sama sekali menggunakan tapak jualan penggerai lain tanpa kebenaran pemilik tapak jualan berkenaan atau pihak urusetia. Peniaga tidak **dibenarkan tinggal atau tidur** di tempat tersebut.

24. Penggunaan elektrik yang dibenarkan bagi setiap tapak khemah adalah **DI BAWAH 250 WATT** bagi mengelakkan berlakunya gangguan elektrik.

25. Setiap peniaga dikehendaki mengemas serta membawa keluar barang-barang jualan daripada tapak konvokesyen sebaik menamatkan perniagaan pada **terakhir Istiadat Konvokesyen selewat-lewatnya pada jam 6.30 petang**[3]**.** Kerja-kerja mencuci atau membersihkan peralatan jualan hendaklah dilakukan di luar kawasan kampus **dan tidak dibenarkan di kawasan tapak jualan.**

26. Peniaga ”*food trucks”* dikehendaki memasak makanan di premis ”*food trucks”* masing-masing. Peniaga ”*food trucks”* diingatkan untuk membawa bekalan air bersih sendiri.

27. Peniaga mesti mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh pihak UiTM. Sekiranya gagal berbuat demikian serta tidak mengikuti mana-mana peraturan di atas, pihak UiTM berhak membatalkan / tidak membenarkan menggunakan ruang / mengadakan jualan pada tarikh tersebut dan pada masa akan datang.

28. Semua borang dan dokumen seperti di senarai semak yang telah lengkap disi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup bergam dan ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan butir-butir yang berikut:

    a) No. Sebutharga
    b) Tarikh tutup sebutharga

29. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **peti sebutharga di Pejabat Bendahari UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau** samada dengan cara serahan tangan atau pos **sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh iklan ditutup.**

30. Senarai peniaga yang layak akan dipilih melalui mesyuarat yang akan dijalankan oleh pihak Pengurusan. Peniaga yang terpilih akan dihubungi dan diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat **di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau**[3] pada tarikh dan masa yang akan dimaklumkan nanti.

31. Peniaga yang terpilih, bayaran perlu dijelaskan secara **bayaran tunai di kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau** sepertimana yang dinyatakan dalam surat tawaran.

## C. PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya ........................................................................................................ (nama), nombor kad pengenalan ......................................... bersetuju terhadap syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Perniagaan Konvokesyen sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan di Kampus Rembau.

| ................................................................ | ..................................... |
| --- | --- |
| Tandatangan Pemohon | Tarikh |

***Petunjuk:***
*[1] dibenarkan bagi peniaga yang berminat sahaja.*
*[2] anggaran keluasan adalah bersamaan dengan 2 petak parkir atau ditetapkan oleh urusetia.*
*[3] tertakluk kepada perubahan dari pihak urusetia.*

**SENARAI SEMAK PEMOHONAN GERAI JUALAN ISTIADAT KONVOKESYEN**
**UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

| BIL | PERKARA DAN TINDAKAN | SILA TANDAKAN ( X ) |
|---|---|---|
| 1. | Borang permohonan telah lengkap diisi - (Borang JPPK UiTM NS - A) | |
| 2. | Syarat dan peraturan gerai jualan UiTM yang lengkap ditandatangani – (Borang JPPK UiTM NS - B) | |
| 3. | Sertakan salinan sijil/slip pendaftaran syarikat (SSM) | |
| 4. | Sertakan satu (1) salinan Kad Pengenalan pemohon | |
| 5. | Sertakan salinan penyata kewangan syarikat untuk satu bulan yang terakhir | |
| 6. | Sertakan salinan kad suntikan (typhoid) / pengendalian makanan terkini<br>** bagi pemohon kategori makanan sahaja. | |
| 7. | Dokumen sokongan yang lain seperti :- | |
| | 7.1 Maklumat makanan/produk yang akan dijual | |
| | 7.2 Senarai harga barang jualan | |
| | 7.3 Senarai harga barang jualan bunga ( Lampiran JPPK UiTM NS - A1) | |
| | 7.4 Pengalaman perniagaan | |
| | 7.5 Gambar yang berkaitan (jika ada) | |
| | 7.6 Contoh gambar konvokesyen (untuk perniagaan fotografi sahaja) | |

Permohonan yang ***lengkap diisi*** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bergam dan ditulis pada bahagian atas kiri sampul surat maklumat berikut :-

a) No. Sebutharga
b) Tarikh tutup sebutharga

***Dan dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup iklan** kepada :-***

**Pejabat Bendahari**
**Aras 1, Bangunan Pentadbiran**
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Rembau
71300 Rembau,
Negeri Sembilan

No Tel: 06-6982021 (Pn. Nurul Farehah)

***** sila rujuk iklan sebutharga***